

11/03/1999

Tidak ada pampasan musnah babi (HL)

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet membuat keputusan tidak akan membayar sebarang pampasan sebagai ganti rugi terhadap babi yang dimusnahkan berikutan wabak Japanese Encephalitis (JE).

Bagaimanapun, mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini, bersetuju membiayai sepenuhnya perbelanjaan menyuntik vaksin untuk penduduk serta babi di tiga kawasan utama wabak berkenaan, iaitu Ipoh, Perak serta Bukit Pelanduk dan Seremban-Sikamat di Negeri Sembilan.

Mengumumkan perkara itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, berkata peruntukan berjumlah RM35.5 juta disediakan untuk pemberian suntikan itu.

Daripada jumlah itu, RM28 juta diluluskan untuk pemberian vaksin ke atas 292,000 penduduk dan RM7.5 juta lagi bagi menyuntik 500,000 babi di kawasan terbabit.

Menurutnya, suntikan vaksin itu akan membabitkan dua kumpulan penduduk - pertama meliputi kira-kira 30,000 penternak babi, ahli keluarga mereka dan pekerja ladang di kawasan terbabit.

Kumpulan kedua pula membabitkan kira-kira 262,500 penduduk di kawasan sekitar dua kilometer dari ladang terbabit. Keutamaan diberi kepada penduduk berusia dalam lingkungan umur satu hingga 15 tahun kerana golongan itu mudah dijangkiti penyakit berkenaan.

"Peruntukan segera diputuskan hari ini kerana kerajaan prihatin dan ingin memastikan penyakit ini dapat dikawal secepat mungkin," katanya pada sidang akhbar bersama Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Datuk Mohd Nordin Mohd Noor, di sini hari ini.

Semalam, Abdul Halim mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa khas bagi menangani jangkitan virus JE yang turut dianggotai beberapa jabatan dari Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Laporan jawatankuasa berkenaan mengenai penyakit itu dibentangkan pada mesyuarat Kabinet, hari ini.

Sehingga kini, penyakit itu yang disebabkan virus Japanese B Encephalitis dan disebarkan melalui nyamuk Culex selepas menghisap darah babi, sudah mengorbankan 30 nyawa.

Setakat semalam pula, kira-kira 3,500 ekor babi sudah dimusnahkan di Negeri Sembilan.

Pada sidang akhbar itu, Abdul Halim turut menggariskan beberapa tindakan segera yang diputuskan Kabinet hari ini, antaranya:

- \* Pihak berkuasa tempatan diarah membuat semburan seminggu sekali selama sekurang-kurangnya empat minggu akan datang bagi membunuh nyamuk Culex;

- \* Melarang semua aktiviti membabitkan perpindahan babi, kecuali pengangkutan ke rumah sembelih yang bertauliah;

- \* Mengarahkan Kementerian Penerangan melaksanakan kempen penerangan melalui rancangan khas televisyen dan radio mengenai cara mengawal JE termasuk mengawal kebersihan kawasan ternakan. Orang ramai juga perlu diyakinkan bahawa JE merebak melalui gigitan nyamuk dan bukan melalui daging babi.

Abdul Halim berkata, kerajaan menjangka dapat menyediakan semua vaksin yang diperlukan dalam tempoh beberapa hari lagi kerana ia perlu diimport dari Taiwan dan Jepun.

"Bagaimanapun, kami ingin mengingatkan bahawa tanggungjawab untuk

suntikan vaksin sama ada untuk penduduk atau babi sebenarnya adalah tanggungjawab penternak dan orang perseorangan," katanya.

Menurutnya, walaupun laporan menunjukkan terdapat 2.5 juta babi di Perak dan Negeri Sembilan, negeri yang paling teruk diserang virus JE, namun tumpuan bantuan kini adalah pada kawasan yang paling teruk terjejas.

Sementara itu, Mohd Nordin berkata, setakat ini Jabatan Perkhidmatan Haiwan memusnahkan kira-kira 2,000 ekor babi yang diserahkan penternak dan akan memusnahkan kira-kira 4,000 lagi.

"Binatang ini terpaksa dimusnahkan kerana jabatan ini tidak mempunyai kemudahan lengkap bagi menjaganya. Kami cuba untuk mendapatkan pasaran bagi babi terbabit, tetapi tidak ada siapa yang ingin membelinya.

"Daripada membiarkan babi terbabit tersiksa, tidak makan dan minum dengan sempurna, jabatan ini terpaksa mengambil tindakan memusnahkannya," katanya.

Mengenai laporan harga vaksin itu meningkat mendadak antara RM7 hingga RM14 satu dos bagi babi dan RM60 bagi manusia, Abdul Halim berkata, kerajaan akan menyiasat perkara ini dan meminta kerjasama pihak terbabit supaya tidak mengambil kesempatan.

Mengenai keberkesanan vaksin berkenaan, Mohd Nordin berkata, hasil kajian membabitkan kira-kira 4,000 dos di Ipoh baru-baru ini menunjukkan suntikan pertama berjaya memberi 70 peratus perlindungan kepada babi dan suntikan kedua dilakukan untuk meningkatkan baki tahap pelalian.

"Berdasarkan kajian itu dan kajian beberapa negara lain, kami mendapati dua suntikan yang diberi akan meningkatkan tahap imuniti babi dan manusia, selepas menerima kedua-dua suntikan berkenaan," katanya.

Mohd Nordin pula berkata, jawatankuasa ini tidak bercadang untuk memanggil pakar asing ke sini kerana berpendapat semua tindakan segera yang diambil setakat ini mencukupi untuk mengawal virus berkenaan daripada tersebar lebih jauh.

Beliau berkata, kementeriannya sedang mengkaji langkah susulan termasuk cadangan mewajibkan setiap ekor babi menerima suntikan vaksin bagi mengelak penyakit ini daripada berulang pada masa depan.

"Kementerian Pertanian juga akan mengkaji langkah jangka panjang bagi mengawal penyakit ini daripada berulang, seperti mengadakan ternakan babi berpusat.

"Tetapi buat masa ini, tumpuan kita adalah untuk mengawal penyakit ini secepat mungkin," katanya.

(END)